

Pemeriksaan Jati Diri Bahasa Melayu:
Isu Penyerapan Kata Asing¹
(Empowerment and Configuration Malay Language Identity:
Infiltration of Foreign Vocabularies Issue)

ZAHARANI AHMAD
NOR HASHIMAH JALALUDDIN
FAZAL MOHAMED MOHAMED SULTAN
HARISHON RADZI
MOHD SHABRI YUSOF

ABSTRAK

Makalah ini menganalisis beberapa implikasi daripada penyerapan kata asing dalam proses pemeriksaan jati diri bahasa Melayu. Sumber analisis meliputi beberapa buah kamus terkenal dan pengucapan lazim dalam kehidupan harian. Dihujahkan bahawa penyerapan kata asing bukan sekadar membawa masuk leksikal baru tetapi disertai dengan sistem nahunya yang sekali gus menyebabkan berlakunya pertembungan antara sistem linguistik bahasa sumber dengan sistem linguistik bahasa sasaran. Akan dijelaskan proses tersebut menimbulkan dua dikotomi iaitu sama ada (i) kata asing itu mengalami perubahan dan penyesuaian untuk mematuhi sistem bahasa sasaran, atau (ii) kata asing itu mengekalkan bentuk asalnya lalu membawa masuk ciri baru yang melanggar sistem linguistik bahasa sasaran. Makalah ini memberi tumpuan terhadap bagaimana dikotomi begini telah berlaku dalam aspek fonologi (sistem bunyi) bahasa Melayu dengan melihatnya secara retrospektif. Akan disentuh juga aspek morfologi (sistem pembinaan kata) dan sintaksis (sistem pembinaan ayat).

Kata Kunci: Penyerapan, kata asing, pemeriksaan, perubahan dan jati diri

ABSTRACT

This paper analyses some implications from the absorption of foreign words in empowerment process of Malay language identity. Sources of analysis consisting some of established dictionaries and daily concordance statements. It is argued that the absorption of foreign words has not only brought in new lexical but has come together with a baggage of alien grammatical system which creates confliction between the source and the target language systems. This paper will expound that the process has disseminated dichotomy in linguistic aspects, either (i) foreign words undergo changes and adjustments in order to comply with the

target linguistic system, or (ii) the foreign words resist to maintain their original form and consequently infringing the target linguistic system. This paper focuses retrospectively on how this dichotomy occurs in Malay phonological aspect. It will also touches some of its morphemically and syntactically aspects.

Key Words: Absorption, foreign words, empowerment, changes, and identity

Pengenalan

Untuk berfungsi sebagai bahasa ilmu dan bahasa budaya tinggi, bahasa Melayu memerlukan sejumlah perbendaharaan kata yang mencukupi bagi memungkinkannya mengungkap perkara-perkara baru yang lebih kompleks dan rencam, baik bersifat konkrit mahu pun abstrak. Pemerksaan atau perkembangan perbendaharaan kata cara begini penting bagi membolehkan bahasa ini bergerak maju seiring dengan kemajuan yang dilalui oleh masyarakat penuturnya.

Dari sudut perkembangan bahasa, penambahan perbendaharaan kata lazimnya boleh dihasilkan melalui dua cara. Pertama, masyarakat sesuatu bahasa itu mencipta perbendaharaan katanya sendiri berdasarkan pengetahuan dan kecekapan penutur tentang bahasanya. Kedua, penambahan perbendaharaan kata boleh dilakukan melalui proses peminjaman kata asing. Proses peminjaman terjadi apabila berlakunya pertembungan antara satu bahasa dengan satu bahasa yang lain. Peminjaman perbendaharaan kata didorong oleh keperluan untuk memberi nama kepada benda-benda dan konsep-konsep baru (Langacker 1968). Misalnya, kedatangan Islam dan kebangkitan kerajaan Melayu Melaka pada abad ke 13 telah membawa banyak perbendaharaan kata Arab ke dalam bahasa Melayu. Kebanyakan perbendaharaan kata ini memperkatakan perkara atau hal yang berkaitan dengan peradaban Islam. Selain daripada bahasa Arab, bahasa Melayu juga diperkayakan dengan kemasukan kata-kata asing daripada bahasa Sanskrit, Portugis, Tamil, Cina dan yang terkini bahasa Inggeris.

Dalam konteks pembinaan jati diri bahasa, fenomena pertama menggambarkan bahawa bahasa penerima itu mempunyai jati diri yang kuat dan kukuh kerana kemampuannya mempertahankan ciri atau sifat asas yang menjadi teras, identiti, dan lambang keperibadian bahasa tersebut. Fenomena kedua pula menunjukkan jati diri bahasa penerima mula longgar dan mudah dicerobohi dan dibolosi oleh unsur asing. Apabila keadaan ini berlaku, sistem nahu bahasa penerima menjadi kompleks dan rencam kerana wujudnya dua sistem yang berbeza yang bercampur aduk dan bertentangan antara satu sama lain.

Jika konsep jati diri bahasa ini dikaitkan dengan pemerksaan dan pembinaan jati diri bahasa Melayu, fenomena pertama itu menunjukkan bahasa Melayu berjaya memperkasakan bahasanya dan pada masa yang sama berjaya memperkasakan jati dirinya. Manakala dalam fenomena kedua, bahasa Melayu hanya berjaya memperkasakan bahasanya, tetapi ia gagal memperkasakan jati dirinya.

Perkembangan bahasa Melayu memperlihatkan kedua-dua fenomena ini berlaku apabila bahasa berkenaan bertembung dengan bahasa-bahasa besar yang mendominasi alam Melayu, seperti bahasa Sanskrit, bahasa Portugis, bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Sehubungan itu, kertas ini cuba menghurai dan membincangkan dua fenomena ini dengan meneliti kata-kata asing yang diserap ke dalam bahasa Melayu.

Hipotesis

Bahasa itu hidup dan berkembang menurut peredaran waktu dan zaman sesuai dengan perkembangan hidup yang dilalui oleh manusia penuturnya. Salah satu petunjuk perkembangan bahasa dapat dilihat melalui penambahan khazanah perbendaharaan kata dalam bahasa berkenaan. Penambahan perbendaharaan kata berlaku kerana keperluan masyarakat untuk mengungkapkan sesuatu sama ada perkara yang bersifat konkrit atau pun konsep dan gagasan yang bersifat abstrak. Penambahan perbendaharaan kata dihasilkan dengan dua cara, iaitu pertama, masyarakat bahasa itu mencipta sendiri perbendaharaan katanya berdasarkan pengetahuan dan kecekapan yang sedia ada, dan kedua perbendaharaan kata ditambah melalui proses peminjaman atau penyerapan kata asing. Dalam konteks perancangan bahasa, khususnya perancangan korpus bahasa Melayu, penyerapan kata asing membantu memperkasakan bahasa Melayu itu sendiri. Pemerksaan di sini bermaksud proses penyerapan itu menjadikan bahasa Melayu itu lebih maju, mantap, hebat, unggul, dan dominan. Penyerapan kata asing bukan sekadar membawa kata leksikal tetapi disertai dengan sistem nahu yang membina kata tersebut. Ini menyebabkan berlakunya pertembungan antara sistem fonologi bahasa sumber dengan bahasa sasaran, dan kesannya menimbulkan dua gejala kebahasaan, iaitu (i) kata asing itu mengalami perubahan dan penyesuaian kerana keperluan untuk mematuhi sistem fonologi bahasa Melayu, dan (ii) kata asing itu mengekalkan bentuk asalnya lalu membawa masuk ciri baru serta melanggar sistem fonologi bahasa Melayu. Kedua-dua gejala ini ada kaitannya dengan pembinaan jati diri bahasa Melayu. Jati diri bermaksud sifat atau ciri yang khas dan istimewa yang menjadi teras, identiti, dan lambang keperibadian bahasa Melayu. Sekiranya kata asing yang masuk itu mengalami perubahan dan penyesuaian dengan sistem fonologi bahasa Melayu, maka itu bererti bahasa Melayu mempunyai jati diri yang cukup kental dan hebat. Sebaliknya, jika kata asing yang masuk itu mengingkari sistem bahasa Melayu dan mengekalkan ciri-ciri asingnya, maka itu bererti bahasa Melayu mempunyai jati diri yang lemah dan mudah dipengaruhi oleh unsur luar.

Asas Jati Diri Bahasa Melayu

Setiap bahasa di dunia ini mempunyai sistem dan peraturannya yang tersendiri. Peraturan yang mengawal sistem sesuatu bahasa itu dikenali sebagai nahu. Nahu

itu meliputi aspek fonologi (sistem bunyi), morfologi (sistem pembinaan kata) dan sintaksis (sistem pembinaan ayat). Setiap sistem ini mempunyai ciri asas yang khusus yang menjadi teras, dasar, identiti, dan lambang keperibadian bahasa berkenaan. Sehubungan itu, penulis akan menghuraikan ciri asas yang mendasar sistem nahu bahasa Melayu, khususnya dalam bidang fonologi.

Fonologi ialah bidang ilmu linguistik yang mengkaji sistem dan fungsi bunyi dalam sesuatu bahasa. Kajian fonologi lazimnya meneliti empat aspek utama. Pertama, kajian itu cuba mengenal pasti inventori fonem sesuatu bahasa yang meliputi fonem konsonan dan juga vokal. Setiap bahasa itu mempunyai inventori fonemnya sendiri dan jumlahnya boleh berbeza antara bahasa. Bahasa Melayu mempunyai 18 fonem konsonan yang dianggap sebagai konsonan asli, iaitu /p, b, t, d, k, g, tS, dZ, s, h, m, n, ø, N, l, r, w, j/, dan dilambangkan dalam sistem tulisan rumi dengan grafem <p, b, t, d, k, g, c, j, s, h, m, n, ny, ng, l, r, w, y>. Fonem vokalnya terdiri daripada 6, iaitu /i, e, u, o, ø, a/, tetapi dilambangkan dengan hanya lima grafem dalam sistem ejaan rumi, iaitu <i, e, u, o a>.

Kedua, kajian fonologi meneliti dan mengenal pasti bagaimana fonem distrukturkan dalam binaan suku kata. Segmen konsonan dan vokal merupakan unsur utama yang membina atau membentuk sesuatu morfem dan juga kata. Dalam analisis fonologi, konsonan dan vokal boleh bergabung untuk membentuk satu unit fonologi yang dikenali sebagai suku kata. Kebanyakan ahli bahasa bersetuju bahawa struktur suku kata dasar bahasa Melayu terdiri daripada empat jenis (Yunus 1980, Farid 1980, Zaharani 2005), iaitu KV (cth. *yu*), V (cth. *i.kan*), KVK (cth. *pan.tun*), dan VK (cth. *in.ti*). Dalam bahasa Melayu tidak terdapat binaan struktur suku kata yang kompleks, seperti KKV, KKVK, KVKK, KKKVK dan lain-lain.

Ketiga, kajian fonologi mengenal pasti penyebaran fonem serta kekangan kehadirannya dalam posisi tertentu di dalam kata. Penyebaran bermaksud lingkungan / kedudukan / posisi / konteks yang diduduki oleh sesuatu fonem itu di dalam kata. Secara umumnya, kedudukan fonem di dalam kata dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu (i) awal kata, (ii) tengah kata, dan (iii) akhir kata. Dari segi penyebarannya, bukan semua fonem boleh menduduki ketiga-tiga posisi ini. Misalnya, fonem /tS/ (<c>), /dZ/ (<j>) dan /ø/ (<ny>) dalam bahasa Melayu boleh menduduki posisi awal dan tengah kata, tetapi tidak boleh hadir di posisi akhir kata. Vokal schwa <e> tidak boleh hadir dalam suku kata akhir tertutup. Bunyi vokal suku kata pertama berharmoni dengan bunyi vokal suku kata kedua dalam kata bersuku kata dua.

Keempat, kajian fonologi juga mengenal pasti dan menghuraikan rumus-rumus fonologi yang beroperasi dalam sistem nahu sesuatu bahasa. Misalnya, dalam bahasa Melayu terdapat rumus reduksi vokal yang mengubah vokal /a/ di akhir kata menjadi vokal schwa (Farid 1980, Zaharani 2005). Bahasa Melayu juga mempunyai rumus penyengauan vokal, iaitu vokal yang mengikuti konsonan nasal akan disengaukan (Farid 1980, Zaharani 2005). Dengan kata lain, vokal tidak boleh disengaukan sekiranya tidak didahului oleh konsonan sengau. Keempat-empat aspek fonologi di atas merupakan sebahagian daripada asas jati

diri fonologi bahasa Melayu.

Penyerapan Kata Asing

Bahasa Melayu telah menerima kemasukan kata asing sejak dari abad ke-7 lagi, iaitu ketika kepulauan Melayu di bawah pemerintahan kerajaan Sriwijaya yang menggunakan bahasa Sanskrit sebagai bahasa pemerintahan dan bahasa keilmuan. Pada waktu itu banyak kata Sanskrit yang diserap masuk, antaranya guru, pujangga, bahasa, sastera, dosa dan lain-lain. Menurut Ismail (1966:10-11):

Melalui pengaruh bahasa Sanskrit bahasa Melayu mengalami evolusinya yang pertama. Dari bahasa masyarakat yang agak rendah kebudayaan serta ilmu pengetahuannya, bahasa Melayu mengalami perubahan pertama ke arah bahasa sarjana, yang sanggup menyampaikan idea baharu yang tinggi-tinggi.

Pada abad ke-13 muncul pula kerajaan Melayu Melaka yang menegakkan agama Islam dalam sistem pemerintahannya. Kedatangan Islam secara langsung membawa masuk banyak sekali kata Arab dalam bahasa Melayu. Kemasukan kata ini memungkinkan BM mengungkapkan pelbagai bidang kehidupan seperti keagamaan, pembelajaran, pemikiran, perundangan, adat dan kemasyarakatan dan perubahan (Za'ba 1965).

Pada abad ke-16, 17 dan 18 bangsa Eropah pula yang menakluki kepulauan Melayu. Kedatangan Portugis, Belanda dan Inggeris turut meninggalkan khazanah perbendaharaan katanya, terutama bahasa Inggeris. Pada masa yang sama kata-kata bahasa Cina dan Tamil juga meresap masuk ke dalam bahasa Melayu. Proses peminjaman yang paling ketara dan meluas sekali ialah pada abad ke-20. Era globalisasi dengan konsep dunia tanpa sempadan menjadikan bahasa Inggeris semakin dominan di pentas antara bangsa. Kemasukan kata Inggeris semakin meluas dan sukar dikawal.

Seperti yang telah dinyatakan, kemasukan kata-kata asing ini bukan sekadar kemasukan kata leksikal semata-mata, tetapi kata tersebut turut membawa bersama sistem nahu bahasa sumber yang membina kata tersebut, khususnya sistem fonologi dan morfologi. Apabila kata itu diserap masuk, sistem fonologi bahasa asing ini akan bertembung dengan sistem fonologi bahasa Melayu. Pertembungan ini menghasilkan tiga gejala fonologi, iaitu (i) kata serapan itu berubah dan mengalami penyesuaian menurut sistem fonologi bahasa Melayu, (ii) kata serapan itu mengekalkan bentuk asalnya menurut sistem fonologi bahasa sumber, dan (iii) kata serapan yang mencampuradukkan fonologi asing dan fonologi bahasa Melayu.

Seperti yang telah ditegaskan sebelum ini, apabila kes pertama berlaku, itu menggambarkan bahawa bahasa Melayu sangat kuat mempertahankan jati diri linguistiknya. Dengan kata lain, bahasa Melayu sangat perkasa dan tidak mudah tergugat dengan kedatangan unsur luar. Sebaliknya, bagi kes kedua dan ketiga, apabila kata asing itu membawa masuk ciri asingnya, maka ini menunjukkan bahasa Melayu lemah dan gagal mempertahankan jati diri linguistiknya. Dengan kata lain, bahasa Melayu telah hilang keperkasaannya.

Pemeriksaan Dan Pembinaan Jati Diri Bahasa Melayu

Seperti yang telah ditegaskan, pemeriksaan bahasa Melayu dalam konteks kertas kerja ini bermaksud kemasukan kata-kata asing itu akan memperkayakan khazanah perbendaharaan kata bahasa Melayu, dan ini menjadikan bahasa Melayu itu lebih maju, mantap, hebat, dan unggul serta berupaya untuk memperkatakan apa saja perkara yang berhubung dengan aspek kehidupan yang meliputi aspek sosial, ekonomi, politik, perundangan, perubatan, keagamaan, budaya, sains dan teknologi dan sebagainya. Misalnya kemasukan kata-kata Arab menjadikan bahasa Melayu mampu membicarakan perkara yang berkaitan dengan peradaban Islam yang merangkumi ilmu agama, ekonomi, sosial falsafah, perundangan dan sebagainya. Kemasukan kata bahasa Inggeris pula menjadikan bahasa Melayu mampu mengungkapkan ilmu yang berkaitan dengan sains dan teknologi.

Daripada kata-kata asing ini kemudiannya terhasil pelbagai bentuk kata terbitan yang dijana melalui proses pengimbuhan, penggandaan dan pemajukan yang ada dalam sistem morfologi bahasa Melayu. Pengembangan ini menjadikan perbendaharaan kata bahasa Melayu bertambah kaya. Misalnya, daripada kata dasar tafsir yang dipinjam daripada bahasa Arab terhasil kata-kata terbitan seperti tafsiirkan, mentafsir, ditafsir, tafsiran, pentafsir-pentafsir, pentafsiran, disalahtafsirkan, dan menyalahafsirkan. Begitu juga bagi bahasa Inggeris, daripada kata dasar kritik terhasil kata-kata seperti mengkritik, dikritik, pengkritik-pengkritik, dan kritikan.

Oleh sebab kata-kata asing khususnya daripada bahasa Arab dan bahasa Inggeris ini begitu banyak meresap ke dalam bahasa Melayu, maka pihak Dewan bahasa dan Pustaka sebagai badan perancangan pembinaan bahasa Melayu mengeluarkan buku Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia (1975) bagi membantu pengguna bahasa Melayu mencipta istilah-istilah baru dengan mematuhi penyesuaian ejaan yang ditetapkan. Prinsip yang diguna pakai dalam pengejaan kata istilah pada umumnya ialah ejaan fonemik, iaitu hanya unit bunyi yang berfungsi dalam bahasa Melayu dilambangkan dengan huruf. Misalnya, kata *president* dan *object* dalam bahasa Inggeris dieja sebagai *presiden* dan *objek* dalam bahasa Melayu. Pengejaan fonemik juga mengutamakan bentuk visual kata asing. Justeru, unsur asing secara langsung terserap ke dalam bahasa Melayu. Buku pedoman ini menurunkan 64 kaedah penulisan kata serapan asing yang perlu dipatuhi oleh pengguna bahasa Melayu.

Perubahan Unsur Asing Dan Pemeriksaan Jati Diri

Seperti yang telah dinyatakan, apabila kata asing ini masuk ke dalam bahasa Melayu, representasi fonologinya tidak sama seperti bahasa sumber. Kata-kata ini disesuaikan dengan sistem fonologi bahasa Melayu. Dalam membuat penyesuaian ini, maka berlakulah perubahan atau modifikasi tertentu. Dari sudut fonetik, khususnya fonetik artikulatori, modifikasi berlaku disebabkan penutur bahasa Melayu menghadapi kesukaran untuk menghasilkan bunyi asing yang

masuk itu. Dari sudut fonologi pula, bunyi asing itu tidak berfungsi sebagai fonem untuk membezakan kata. Justeru penutur bahasa Melayu tidak dapat membezakan bunyi asing dan bunyi tempatan yang menggantikannya. Dari sudut sosiolinguistik, khususnya perancangan bahasa, perubahan dilakukan untuk memelihara identiti dan jati diri bahasa Melayu agar tidak dicemari dengan unsur asing. Bahasa Melayu mesti diujarkan sebagai bahasa Melayu bukan bahasa Melayu yang ‘diArabkan’ atau ‘diInggeriskan.’

Perubahan Bunyi Konsonan

Kertas kerja ini hanya memberi tumpuan kepada perubahan yang berlaku pada bunyi konsonan sahaja. Seperti yang telah dihuraikan, bahasa Melayu mempunyai 18 fonem konsonan yang dianggap sebagai konsonan asli, iaitu /p, b, t, d, k, g, tʃ, dʒ, s, h, m, n, ʃ, N, l, r, w, j/, dan dilambangkan dalam sistem tulisan rumi dengan grafem <p, b, t, d, k, g, c, j, s, h, m, n, ny, ng, l, r, w, y>. Apabila kata-kata asing yang diserap itu mengandungi konsonan selain daripada konsonan di atas, maka konsonan asing itu akan diganti dengan konsonan bahasa Melayu yang paling hampir sama ada dari segi cara artikulasinya atau pun daerah artikulasinya. Antara perubahan konsonan yang berlaku adalah seperti di bawah.

Perubahan cara artikulasi - konsonan geseran menjadi letupan

Bahasa Melayu hanya mempunyai dua bunyi geseran dalam sistem fonologinya, iaitu geseran gigi-gusi tak bersuara <s> dan geseran glotis <h>. Apabila bunyi geseran selain daripada <s> dan <h> menyerap ke dalam bahasa Melayu, bunyi tersebut akan berubah menjadi bunyi letupan yang paling hampir dari segi daerah artikulasinya dengan bunyi geseran tadi. Misalnya, bunyi geseran bibir-gigi <f> dan <v> menjadi bunyi letupan <p> dan . Bunyi geseran glotis /ʔ/ yang dilambangkan dalam sistem ejaan sebagai <ʔ> digantikan dengan bunyi hentian glotis [/] yang dilambangkan sebagai <k> dalam sistem ejaan bahasa Melayu. Antara contoh kata yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Bahasa Asing	Bahasa Melayu
vinasa (Sanskrit)	binasa
vicara (Sanskrit)	bicara
purva (Sanskrit)	purba
festa (Portugis)	pesta
varanda (Portugis)	beranda
viola (Portugis)	biola
fatwa (Arab)	petua
fasal (Arab)	pasal
la'nah (Arab)	laknat
ni'mah (Arab)	nikmat

ta'rif	(Arab)	takrif
ijma'	(Arab)	ijmak
ijtima'	(Arab)	ijtimak
ruku'	(Arab)	rukuk

Perubahan dan pengubahsuaian yang berlaku pada kata pinjaman di atas adalah suatu yang alamiah kerana perubahan yang sama banyak berlaku pada bahasa-bahasa lain di dunia. Dalam konteks perkembangan bahasa Melayu, pengubahsuaian ini agak tidak konsisten. Pengubahsuaian yang melibatkan konsonan <f> dan <v> tidak lagi berlaku sekarang terutamanya kata-kata yang dipinjam daripada bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Dalam Kamus Dewan (1970) kata-kata pinjaman Arab yang mengandungi konsonan <f> biasanya mempunyai dua representasi ejaan. Misalnya, kata fajar~pajar, falak~palak, fakir~pakir, dll. Namun dalam Kamus Dewan (1989) kata-kata ini hanya mempunyai satu representasi ejaan sahaja, iaitu mengekalkan konsonan asing <f> dan <v>. Ini menunjukkan bahasa Melayu telah menerima konsonan <f> dan <v> sebagai sebahagian daripada inventori fonem konsonannya.

Berbeza daripada konsonan <f> dan <v>, konsonan geseran anak tekak /Ö/ yang dilambangkan sebagai <'> tidak diserap ke dalam bahasa Melayu. Kata Arab yang mengandungi konsonan ini di tengah atau di akhir kata disesuaikan dengan konsonan <k>. Dalam Kamus Dewan (1970) kedua-dua konsonan ini disenaraikan seolah kedua-duanya boleh dipakai dan diterima. Misalnya, kata ruku'~rukuk, ru'yat~rukuyat, ruju'~rujuk, dan lain-lain. Namun dalam Kamus Dewan (1989), kata-kata Arab ini hanya mempunyai satu representasi sahaja, iaitu yang dilambangkan dengan konsonan <k>.

Selain daripada hadir di tengah dan di akhir kata, konsonan <'> juga hadir di awal kata dan di antara vokal dalam kata-kata pinjaman Arab. Dalam sistem ejaan Za'ba, kata-kata seperti ini dieja sebagai 'adil, 'alim, ta'at, dan sa'at. Kamus Dewan (1970) merakamkan kata-kata di atas dalam dua bentuk ejaan, iaitu adil~'adil, alim~'alim, taat~ta'at dan saat~sa'at. Perkembangan selanjutnya, Kamus Dewan (1989) hanya mengiktiraf satu bentuk ejaan sahaja, iaitu tanpa meletakkan <'> apada kata-kata tersebut. Pendirian ini menunjukkan pembinaan korpus bahasa Melayu tidak menerima fonem Arab /Ö/ dalam sistem fonologi bahasa Melayu.

Perubahan cara artikulasi - artikulasi primer tanpa artikulasi sekunder

Dalam bahasa Arab terdapat konsonan emfatic (emphatic consonant) yang dihasilkan bersama artikulasi sekunder faringelisasi, iaitu akar atau badan lidah ditarik ke belakang ketika menghasilkan konsonan oral (Kenstowicz 1994). Konsonan-konsonan ini biasanya dilambangkan dengan huruf besar /S, T, Z, D/ atau dengan konsonan biasa bersama titik di bawahnya /s, t, z, d/. Dalam sistem ejaan jawi bunyi-bunyi ini dilambangkan sebagai /ص, ط, ظ, ض/. Semua

bunyi-bunyi ini tidak terserap ke dalam bahasa Melayu, dan digantikan dengan konsonan biasa iaitu <s, t, z, d>. Misalnya,

ṭaun	taun
khaṭ	khat
ẓahir	zahir
ḥafiz	hafiz
farḍu	fardu
ḍarab	darab

Perubahan titik artikulasi

Bahasa Melayu tidak mempunyai konsonan letupan anak tekak /q/ dalam inventori konsonannya. Bunyi letupan yang paling hampir dengan konsonan tersebut yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah bunyi letupan lelangit lembut /k/. Justeru, kata-kata Arab yang mengandungi letupan <q> akan digantikan dengan konsonan letupan <k>. Bahasa Melayu juga tidak mempunyai konsonan geseran antar gigi /T/ dan geseran rongga tekak /ð/. Bunyi ini ditransliterasikan sebagai <th> dan <ḥ>. Dalam ejaan jawi kedua-duanya dilambangkan sebagai /ث, ح/. Kata-kata Arab yang mengandungi konsonan <th> digantikan dengan /s/, manakala <ḥ> digantikan dengan <h>.

3. Bahasa Arab	Bahasa Melayu
qamus	kamus
qiyamah	kiamat
haq	hak
qalam	kalam
ḥadith	hadis
ithnin	isnin
ṭhābit	sabit
ṭhālātha	selasa
ḥalal	halal
ḥisab	hisab
ḥal	hal

Rumus fonologi degeminasi

Sistem fonologi bahasa Melayu menunjukkan realisasi konsonannya cuma mengisi satu unit masa atau gatra. Bahasa Melayu tidak membenarkan bunyi konsonan muncul dalam dua gatra masa. Dengan kata lain, bahasa Melayu tidak mempunyai geminat atau dua gugusan konsonan yang sama dalam satu kata. Konsonan geminat dalam kata asing akan mengalami degeminasi (degemination), iaitu dua konsonan dileburkan menjadi satu. Peraturan ini sangat ketat dan sentiasa dipatuhi oleh kata asing dari dahulu hingga sekarang.

4. Bahasa Asing		Bahasa Melayu
dallal	(Arab)	dalal
dajjal	(Arab)	dajal
muhibbah	(Arab)	muhibah
muhibbah	(Arab)	muhibah
tamaddun	(Arab)	tamadun
haqq	(Arab)	hak
lorry	(Inggeris)	lori
battery	(Inggeris)	bateri
lobby	(Inggeris)	lobi
tennis	(Inggeris)	tenis

Bahasa Melayu tidak menerima geminat kerana tidak mahu memasukkan unsur asing ke dalam sistem fonologi bahasa Melayu. Kecuali beberapa kata asing yang mempunyai alasan tertentu, kebanyakan kata yang lain itu dinyahkan bentuk geminatnya. Antara kata yang dikecualikan daripada peraturan ini ialah Allah, Allahyarham, bismillah, dan massa. Kata-kata yang berhubung dengan nama Allah dikekalkan kerana adanya unsur ketuhanan, manakala kata massa dikekalkan kerana keperluan untuk membezakannya daripada masa (waktu).

Perubahan Struktur Suku Kata

Seperti yang telah disebut sebelum ini, struktur suku kata dasar bahasa Melayu terdiri daripada empat jenis, iaitu V, KV, VK, KVK. Semua suku kata ini dapat dianggap sebagai suku kata mudah yang terdiri daripada satu segmen konsonan diikuti oleh satu segmen vokal. Rangkap konsonan atau vokal dibenarkan sekiranya konsonan atau vokal tersebut berada dalam dua suku kata yang berbeza. Struktur suku kata yang kompleks yang terdiri daripada rangkap konsonan sama ada di posisi onset atau koda tidak wujud dalam bahasa Melayu. Kata asing yang mengandungi suku kata kompleks dalam bahasa sumber akan dipermudahkan dengan dua cara, iaitu (i) penyisipan vokal, dan (ii) pengguguran konsonan.

Penyisipan vokal

Apabila kata-kata asing mengandungi konsonan rangkap sama ada di nodus onset ataupun koda suku kata, maka rangkap tersebut akan dipisahkan dengan menyisipkan bunyi vokal sama ada di antara rangkap atau selepas rangkap tersebut. Penyisipan vokal bertujuan untuk mengubah struktur suku kata yang kompleks menjadi suku kata yang mudah.

5. Bahasa Asing		Bahasa Melayu
srigala (Sanskrit)		serigala
sutra (Sanskrit)		sutera

stri	(Sanskrit)	isteri
glass	(Inggeris)	gelas
class	(Inggeris)	kelas
club	(Inggeris)	kelab
grant	(Inggeris)	geran
plan	(Inggeris)	pelan
fikr	(Arab)	fikir
milk	(Arab)	milik
kufr	(Arab)	kufur
subh	(Arab)	subuh
fajr	(Arab)	fajar
lafz	(Arab)	lafaz

Pelaksanaan rumus penyisipan vokal sebagai satu strategi fonologi untuk memecahkan rangkap konsonan merupakan satu rumus universal yang berlaku dalam banyak bahasa. Strategi ini bertujuan bagi memastikan struktur suku kata dasar bahasa natif dipatuhi. Dalam konteks ini struktur suku kata kompleks KKV, KKVK dan KVKK daripada bahasa asing diubah strukturnya menjadi KVKKV dan KVKVKV menurut sistem bahasa Melayu. Perubahan ini menjadikan kata asing itu seolah-olah seperti kata natif bahasa Melayu. Semua kata pinjaman Arab yang berstruktur suku kata kompleks, seperti KVKK mematuhi peraturan ini, dan berubah menjadi KVKVKV atau pun KVKKV.

Pengguguran Konsonan

Selain daripada proses penyisipan vokal, rangkap konsonan dalam kata asing dileraikan dengan menggugurkan salah satu daripada konsonan tersebut. Antara contoh kata asing yang mengalami pengguguran konsonan adalah seperti di bawah.

6. Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
post	pos
bomb	bom
consonant	konsonan
comment	komen
modern	moden

Seperti yang dapat dilihat, struktur suku kata KVKK bahasa Inggeris berubah menjadi KVK dalam bahasa Melayu. Peraturan ini sebenarnya tidak dipatuhi sepenuhnya. Banyak struktur suku kata kompleks telah wujud dalam bahasa Melayu melalui kata pinjaman bahasa Inggeris.

Kemasukan Unsur Asing Dan Kehilangan Jati Diri

Berikut dihuraikan pula kemasukan unsur linguistik asing ke dalam bahasa Melayu. Tidak dapat dinafikan, kemasukan unsur asing penting untuk perkembangan bahasa. Namun jika kemasukan itu dibiarkan berlaku sesuka hati tanpa sebarang kawalan, dikhuatiri ciri asing ini akan menjadi lebih dominan daripada bahasa Melayu sendiri. Akhirnya ciri asal bahasa Melayu akan hilang dan ciri baru akan mengambil alih tempatnya. Pada ketika itu, bahasa Melayu hilang jati dirinya dalam masyarakat penutur aslinya sendiri. Antara ciri asing yang semakin menular ialah (i) kemasukan fonem asing, dan (ii) kehadiran suku kata kompleks.

Kemasukan Konsonan Asing

Sebelum ini kita telah melihat konsonan asing yang tidak terdapat dalam inventori fonem bahasa penerima akan disesuaikan dan digantikan dengan konsonan yang berhampiran sama ada dari segi cara artikulasinya ataupun daerah artikulasinya. Namun perkembangan bahasa kadang kala memerlukan fonem asing ini bagi membezakannya dengan fonem tempatan. Kemasukan fonem asing dengan sendirinya menambah bilangan inventori fonem bahasa Melayu yang sedia ada. Antara fonem asing yang telah diterima dalam bahasa Melayu ialah konsonan geseran /f, v, z, x, Å, S/. Yang dilambangkan dengan grafem <f, v, z, kh, gh, sy> , dan konsonan letupan /q/ <q>. Kata-kata yang mengandungi konsonan ini adalah seperti berikut:

7. Bahasa Arab	Bahasa Melayu
fajr	fajar
wafat	wafat
tawaf	tawaf
zarah	zarah
zakat	zakat
khabr	khabar
khidmat	khidmat
ghalib	ghalib
maghrib	maghrib
syarat	syarat
syara'	syarak
quran	quran
8. Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
function	fungsi
file	fail

veto	veto
novel	novel
zone	zon
gazette	gazet
tuition	tuisyen
television	televisyen

Kemasukan Suku kata Kompleks

Struktur suku kata dasar bahasa Melayu adalah struktur yang mudah. Posisi onset dan kodanya hanya boleh diisi oleh satu bunyi konsonan sahaja. Kemasukan kata asing, khususnya bahasa Inggeris telah membawa masuk struktur suku kata baru yang kompleks binaannya ke dalam bahasa Melayu. Posisi onset dan koda kini boleh diduduki lebih daripada satu konsonan, seperti yang ditunjukkan oleh kata-kata berikut:

9. Struktur suku kata	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
VKK	expo	eks.po
KVKK	bank	bank
KKV	flu	flu
KKVK	plastic	plas.tik
KKVKK	transformation	trans.formasi
KKKV	screw	skru
KKKVK	script	skrip

Berdasarkan contoh di atas, bahasa Melayu kini mempunyai tujuh struktur suku kata kompleks yang meresap ke dalam bahasa Melayu. Jumlah ini jauh mengatasi bilangan suku kata dasar bahasa Melayu yang berjumlah empat jenis. Unsur asing kini lebih dominan daripada unsur tempatan. Apabila unsur asing ini semakin kuat dan bercampur aduk dengan unsur tempatan, maka ini akan menimbulkan gejala bahasa rojak. Bahasa rojak bermaksud penutur bahasa Melayu menggunakan bahasa Melayu bercampur aduk dengan bahasa lain, misalnya bahasa Inggeris ketika berkomunikasi. Biasanya bahasa rojak merujuk kepada penggunaan bahasa yang bercampur aduk di peringkat frasa dan juga ayat. Kita jarang sekali mendengar isu bahasa rojak dibincangkan dalam konteks fonologi, khususnya aspek ejaan yang melibatkan kata-kata serapan daripada bahasa asing. Walaupun terdapat panduan yang menjelaskan bagaimana mengeja kata asing tetapi peraturan yang disediakan itu didapati bercampur aduk antara sistem bahasa Melayu dan sistem bahasa asing. Misalnya,

10. Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
express	ekspres
export	eksport
passport	pasport

manuscript
project

manuskrip
projek

Data di atas menunjukkan konsonan geminat daripada bahasa asing mengalami degeminasi, konsonan rangkap di posisi koda mengalami pengguguran kerana untuk menepati sistem bahasa Melayu. Namun, pada masa yang sama kata tersebut mengekalkan struktur suku kata kompleks di posisi onsets dan juga di koda yang menjadi ciri bahasa Inggeris. Gabungan antara unsur bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ini menghasilkan bahasa yang bercampur atau bahasa rojak.

Sesetengah ahli bahasa berpandangan bahawa pencampuran antara unsur asing dan tempatan dalam bidang fonologi dan morfologi boleh diterima dan tidak dianggap sebagai bahasa rojak. Tetapi dalam bidang sintaksis, percampuran sebegini tidak dibenarkan kerana sintaksis itu adalah teras utama yang membina sistem nahu sesuatu bahasa. Namun kita jangan lupa, ayat itu terbina daripada frasa dan frasa dibina daripada gabungan kata. Kata pula terbina daripada bunyi bahasa yang merangkumi bunyi konsonan dan vokal yang bergabung membentuk suku kata. Sekiranya sistem fonologi itu bercampur aduk menghasilkan bentuk kata yang rojak, maka tidak hairanlah sistem sintaksisnya yang menggabungkan kata dan frasa juga bercampur aduk menghasilkan ayat yang rojak. Akhirnya, bahasa Melayu yang digunakan adalah bahasa rojak.

Kesimpulan

Pemeriksaan bahasa Melayu melalui perancangan korpus bahasa, khususnya pengembangan khazanah perbendaharaan kata telah berjalan dengan baik dan sungguh memuaskan. Sumbangan bahasa Arab dan Inggeris dalam membantu usaha pemeriksaan ini begitu besar sekali. Kemasukan perbendaharaan kata daripada kedua-dua bahasa ini mempunyai dua kesan linguistik dalam konteks pemeriksaan dan pembinaan jati diri bahasa Melayu. Pertama, bahasa Melayu berjaya mempertahankan jati dirinya dan tidak menerima unsur linguistik asing. Kedua, bahasa Melayu gagal mempertahankan jati dirinya dan terpaksa menerima unsur linguistik asing.

Kes pertama berlaku pada kata serapan Arab yang banyak mengalami perubahan kerana untuk membuat penyesuaian dengan sistem fonologi bahasa Melayu. Kes kedua pula berlaku pada kata serapan bahasa Inggeris yang banyak membawa masuk unsur asing ke dalam bahasa Melayu. Kesan daripada penyerapan unsur asing mencetuskan gejala kebahasaan yang dikenali sebagai bahasa rojak, iaitu penggunaan bahasa yang bercampur aduk antara sistem bahasa asing dengan sistem bahasa tempatan. Jika gejala ini tidak dibendung, suatu hari nanti bahasa dan bangsa Melayu akan hilang identiti dan jati dirinya di tanah airnya sendiri.

Rujukan

- Amran Kasimin. 1987. *Perbendaharaan Kata Arab Dalam Bahasa Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn. 1980. *Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hussein. 1966. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 1970. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (Edisi Baru)*. 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (Edisi Ketiga)*. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenstowicz, M. 1994. *Phonology in Generative Grammar*. Cambridge: Blackwell.
- Muhammad Abdul Jabbar Beg. 1979. *Arabic Loan-words in Malay: A Comparative Study*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim. et. al. 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia*. 1975. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Yunus Maris. 1980 [1966]. *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Zaharani Ahmad. 2005. *The Phonology-Morphology Interface in Malay: An Optimality Theoretic Account*. Canberra: Pacific Linguistics.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.